

Ketika berumur 12 tahun, Baginda telah mengikuti Abu Thalib membawa barang dagangan ke Syam. Mereka telah bertemu dengan Buhaira, seorang pendita alim Nasrani. Pendita itu telah melihat tanda-tanda kenabian pada diri Baginda dan menasihatkan Abu Thalib untuk segera pulang ke Makkah. Dia khawatir kalau-kalau Nabi Muhammad *saw* ditemukan oleh orang Yahudi yang pasti menganiayainya. Setelah mendengar nasihat itu, Abu Thalib segera pulang ke Makkah.

Baginda dikenali sebagai Al-Ameen oleh masyarakat kota Makkah dan pengunjung-pengunjung oleh kerana kelakuannya yang tidak tercela. Al-Ameen bermaksud yang jujur, yang dipercayai dan menandakan seorang yang tinggi martabatnya.

Perihal Baginda sebagai seorang yang amat dipercayai, Siti Khadijah, seorang janda kaya mempercayai beliau untuk membawa barang dagangannya ke Syam. Sesudah Nabi Muhammad *saw* pulang dari perjalanan ke Syam itu, datanglah lamaran dari pihak Siti Khadijah kepada baginda. Baginda menerima pinangannya itu dan memperolehi 6 cahaya mata, dua lelaki dan empat perempuan. Anak pertamanya, Qasim, meninggal dunia semasa berumur 2 tahun dan Baginda sering dipanggil dengan gelaran Abul Qasim, yang bermaksud bapa kepada Qasim. Anak kedua baginda, Abdullah, meninggal dunia semasa kecil. Abdullah juga dipanggil dengan nama timangannya iatu Tayyab dan Tahir kerana beliau dilahirkan selepas baginda diangkat menjadi Nabi dan Rasul. Anak-anak perempuannya ialah, Zainab, Ruqayyah, Ummu Kalthum dan Fathimah *ra*.

Pada saat itu, Kaabah dipenuhi dengan tiga ratus enam puluh berhala. Pesanan Nabi Ibrahim *as* telah tercemar setelah ia dicam-

pur adukkan dengan ketahyulan dan tradisi penyembahan berhala dari pelbagai tempat.

Dalam setiap generasi terdapat suatu kumpulan kecil yang amat benci dengan kecemaran atas Kaabah. Kumpulan kecil ini terdiri daripada beberapa lelaki dan wanita yang berpegang teguh dengan ajaran yang ditinggalkan oleh Nabi Ibrahim dan Ismail *as*. Mereka ke gunung-ganang yang berdekatan untuk menjauhkan diri daripada patung-patung berhala.

Ketika menginjak usia 40 tahun, Baginda lebih banyak mengerjakan tahannuts dari waktu-waktu sebelumnya. Pada malam 17 Ramadan, bertepatan dengan 6 Ogos tahun 610 Masihi, datanglah Malaikat Jibrail *as* membawa wahyu dan menyuruh Nabi Muhammad *saw* untuk membaca, katanya: "Bacalah".

Dengan terperanjat, Nabi Muhammad *saw* menjawab: "Aku tidak dapat membaca". Beliau didakap beberapa kali oleh Malaikat Jibrail *as* hinggalah nafasnya sesak, lalu dilepaskan olehnya seraya disuruhnya membaca sekali lagi: "Bacalah". Tetapi Nabi

أَفْرَأَ بِأَسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ① خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ ② أَفْرَأَ وَرَبُّكَ  
الْأَكْرَمُ ③ الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ ④ عَلَّمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ

Muhammad *saw* masih tetap menjawab: "Aku tidak dapat membaca". Begitulah keadaan berulang sampai tiga kali, dan akhirnya Muhammad *saw* berkata: "Apa yang kubaca?", kata Jibrail *as*.

Artinya: *Bacalah dengan nama Tuhanmu yang menjadikan. Yang menjadikan manusia dari segumpal darah. Bacalah, dan Tuhanmu teramat Mulia. Yang mengajarkan dengan pena (tuliskan baca). Mengajarkan kepada manusia apa yang tidak*

the Europe of today."

– Sir George Bernard Shaw in 'The Genuine Islam,' Vol. 1, No. 8, 1936